

NO. SOALAN: 130

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK DR.EWON EBIN [RANAU]

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

SOALAN:

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi persefahaman dan keharmonian kaum di negara ini; dan
- (b) sebagai sebuah negara yang mengamalkan kesederhanaan, apakah pihak Kerajaan akan mengenakan syarat khas bagi membawa masuk penceramah bebas (seperti Dr. Zakir Naik, L.S. Mokoginta & Irena Handono) daripada luar negara untuk berceramah di negara ini agar menghormati keharmonian kaum di negara ini.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk memastikan bahawa prinsip-prinsip Islam dihormati dalam sebarang isu apatah lagi yang berkait langsung dengan hal ehwal agama Islam bagi memastikan keharmonian hidup dalam kepelbagaian agama di negara ini.

Justeru, Kerajaan melalui pelbagai agensi yang berbidang kuasa telah mengambil pendekatan yang sewajarnya dalam memastikan perpaduan dan keharmonian hidup bermasyarakat dapat dikekalkan. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti yang berikut:

- i) menubuhkan Jawatankuasa Promosi Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang berperanan dalam melaksanakan program-program ke arah mewujudkan persefahaman antara penganut-penganut agama dan keharmonian hidup bermasyarakat;
- ii) menganjurkan program yang bersifat pendidikan dan memberi kefahaman kepada masyarakat seperti dialog agama oleh institusi pengajian tinggi, agensi dan kementerian seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan TV Alhijrah; dan

- iii) memperkukuhkan mekanisme penyelarasan dan penguatkuasaan untuk mengekang penyebaran provokasi terhadap isu hal ehwal Islam melalui media masa dan media baharu.

Oleh itu, selaras dengan komitmen Kerajaan untuk memastikan kestabilan dan keharmonian amalan beragama di negara ini terus terpelihara, peruntukan undang-undang sedia ada sentiasa diperkemaskan dari semasa ke semasa dan tindakan sewajarnya akan diambil kepada pihak-pihak berkenaan.

- (b) Berhubung dengan syarat membawa masuk penceramah dari luar negara, ia adalah terkluk kepada pihak berkuasa agama negeri kerana bidang kuasa berkaitan agama terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, Kerajaan tiada halangan sekiranya ada pihak atau organisasi yang ingin menjemput penceramah dari dalam atau luar negara yang telah dikenalpasti mengamalkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah tetapi hendaklah mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa di negara ini. Pihak penganjur perlu mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa negeri dan keselamatan serta mendapat tauliah sementara dari Pejabat Mufti Negeri sebelum ceramah dilaksanakan. Selain itu, pihak pengajur juga sewajarnya menghantar cadangan nama penceramah tersebut kepada pihak PDRM bagi tujuan tapisan keselamatan.

Sekian, terima kasih.